

PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN NCIA MERANCAKKAN USAHA KERAJAAN MEMBASMI KEMISKINAN DI NCER

Sungkai, Perak 2 Oktober 2020 – Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) meletakkan Pelan Pembangunan Strategik 2021-2025 (NCER SDP) sebagai tunjang utama dalam menyokong usaha kerajaan Malaysia bagi meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat ketika Seminar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 di peringkat Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) di Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) Sungkai, Perak bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Yang Berhormat Datuk Seri Mustapa Mohamed, hari ini.

Berdasarkan Kajian Pendapatan Isi Rumah terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada bulan Julai 2020, data menunjukkan jurang pendapatan yang agak ketara antara negeri-negeri NCER, terutama perbandingan antara kawasan bandar dan luar bandar. Kejadian kemiskinan isi rumah boleh diukur melalui kadar pendapatan, tahap kesihatan (termasuk akses kepada perkhidmatan kesihatan dan perubatan), tahap pendidikan dan kualiti hidup (akses kepada informasi, kemudahan asas dan lain-lain).

Garis kemiskinan, isu dan cabaran kemiskinan adalah khusus untuk setiap negeri; oleh itu, perbincangan di peringkat negeri telah merapatkan skop perbincangan dan membantu para peserta seminar menumpukan perhatian untuk merumuskan penyelesaian yang dapat memenuhi keperluan khusus bagi setiap negeri. Untuk mencapainya, Perbincangan Kumpulan Fokus (Focus Group Discussion, FGD) diadakan di peringkat negeri Perak, Kedah, Penang dan Perlis seminggu sebelum seminar untuk memastikan perbincangan yang lebih mendalam dan komprehensif akan terhasil semasa seminar PGK berlangsung.

Dianjurkan oleh NCIA, tujuan seminar PGK 2019 adalah untuk membolehkan pengumpulan pakar bidang khusus (*subject matter experts*) yang terdiri dari wakil-wakil kerajaan negeri, wakil agensi-agensi kerajaan, ahli akademik dan NGO

memahami isu-isu berkaitan kemiskinan dan membincangkan data serta maklum balas yang diperoleh dari FGD dan Survei Pendapatan Isi Rumah oleh DOSM. Dari sesi perkongsian dan dialog, seminar PGK 2019 akan memberikan maklumbalas kepada Kerajaan untuk merumuskan polisi pembasmian kemiskinan yang lebih komprehensif untuk RMK-12.

Mustapa berkata, "Pandangan dan idea dalam sesi dialog dengan pihak berkepentingan hari ini sangat penting bagi Kerajaan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dalam usaha merancang inisiatif baru, terutama dalam menyusun Rancangan Malaysia ke-12.

"Kerajaan sedang bekerja keras untuk membangunkan program pembasmian kemiskinan yang lebih komprehensif dan jangka panjang untuk meningkatkan status sosioekonomi penduduk, terutama di NCER, untuk memastikan keseimbangan ekonomi dan kesejahteraan dinikmati oleh Rakyat.

"Perancangan untuk meringankan beban Rakyat menjadi semakin mencabar dengan penularan wabak COVID-19 yang belum jelas kesudahannya. Maklum balas yang diperoleh dari seminar ini akan membolehkan Kerajaan dapat bertindak dengan lebih pantas untuk meningkatkan inisiatif yang ada dan memupuk kerjasama yang lebih kuat dengan pihak berkepentingan di setiap negeri dan wilayah ekonomi."

Projek pemangkin berimpak tinggi di seluruh NCER seperti Chuping Valley Industrial Area (CVIA), Kedah Rubber City (KRC), Sidam Logistics, Aerospace and Manufacturing Hub (SLAM), NCER Technology Innovation Centre (NTIC), Silver Valley Technology Park (SVTP) dan I-CON@NCER membolehkan masyarakat tempatan mendapat manfaat dengan pewujudan peluang pekerjaan, lantas meningkatkan sosioekonomi mereka.

Menyedari bahawa perihal pendapatan, kesihatan, pendidikan dan keusahawanan adalah komponen utama dalam usaha mengatasi kemiskinan, NCIA telah merancang program modal insan yang bersepadu dan holistik seperti JomKerja@NCER, JomNiaga@NCER, Kasih Ibu Darul Aman (KIDA), empowerNCER, entrepreneurNCER, NCER Talent Enhancement Programme (NTEP) dan Dana

Usahawan Bumiputera (DUB). Di negeri Perak, program-program ini disasar untuk mewujudkan lebih dari 7,500 pekerjaan dan peluang keusahawanan pada tahun ini.

NCIA telah menjalankan program modal insan bersama masyarakat Orang Asli sejak awal tahun ini untuk membantu komuniti ini dalam mencapai pendapatan yang mampan (*sustainable income*). Melalui empowerNCER – Latihan Kemahiran dan Keusahawanan, kursus-kursus seperti penyenggaraan motosikal, elektrik & paip, dandanan rambut, menjahit & pereka fesyen, spa & terapi dan penyediaan makanan ditawarkan untuk meningkatkan pendapatan peserta.

Program empowerNCER-Akademik direka secara komprehensif untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan SPM dengan menekankan komponen kecemerlangan akademik, kecekapan kemahiran dan pengembangan peribadi pelajar dari Kumpulan B40 dan keluarga Orang Asli.

Sebanyak 2,250 pelajar dari 15 daerah diseluruh NCER telah dipilih termasuk 300 pelajar Orang Asli dari 3 daerah di Perak. Pelajar Orang Asli ini dipilih dari Tahun 5 untuk meningkatkan tahap membaca, menulis dan matematik (3M) untuk membantu mereka berprestasi lebih baik dalam peperiksaan. Program ini terus diperkukuhkan melalui kerjasama dengan Yayasan MyKasih untuk menggabungkan pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dengan robotik dan Projek Aquaponic.

"Program Modal Insan yang direka khas dilihat dapat mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi, serta menyokong rancangan Kerajaan untuk menangani isu kemiskinan bagi memastikan persekitaran ekonomi dan kesejahteraan rakyat, terutama di NCER, terus berkembang pesat," tambah Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Seri Jebasingam Issace John.

-TAMAT -

UNTUK MAKLUMAN EDITOR:

Berkeaan NCIA

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Koridor Utara Pelaksanaan 2008 (Akta 687) sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju dan untuk merangka dasar dan strategi menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau Northern Corridor Economic Region (NCER). NCER merangkumi negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis; dan diketuai oleh Datuk Seri Jebasingam Issace John selaku Ketua Eksekutif.





NCIA akan terus memacu evolusi NCER ke arah menjadi rantau sosioekonomi kelas dunia dengan memungkinkan dan melaksanakan program pembangunan nilai tambah dalam inisiatif-inisiatif strategik berimpak tinggi, terutamanya melalui Sektor Pembuatan, Sektor Perniagaan Tani, Sektor Petrokimia, Sektor Perlombongan, Sektor Ekonomi Hijau, dan Sektor Perkhidmatan (termasuk Pelancongan, Logistik dan Perhubungan; serta Ekonomi Digital).




Sila hubungi:

<p>YM Raja Dato' Zamilia Raja Mansur Ketua, Unit Komunikasi Korporat Emel: rajazamilia@ncer.com.my Mobile: + 019 286 2944 GL: + 604-502 0708</p>	<p>En. Ariff bin Ahmad Ketua, Perhubungan Awam dan Pengurusan Media Unit komunikasi Korporat Emel: ariffahmad@ncer.com.my Mobile: + 016 328 8944 GL: + 604-502 0708</p>
--	--

MAKLUMAT TAMBAHAN

Butir-Butir Program Modal Insan NCIA:

Program Pembangunan Modal Insan NCIA Sedia Ada	Penerangan Ringkas
	<p>KIDA diperkenalkan untuk membantu ibu tunggal dan suri rumah yang tidak mempunyai pendapatan tetap untuk mengurus dan menampung perbelanjaan keluarga mereka. Melalui program ini, mereka menerima bantuan kewangan untuk membeli barangan asas seperti beras, gula, garam, tepung, roti, minyak masak, daging lembu, ayam, ikan, sayur-sayuran, lampin pakai buang, produk tenusu dan keperluan sekolah. Peserta juga layak mendapat rawatan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Program ini dicadangkan untuk dilaksanakan di negeri Perak dan Perlis.</p>
	<p>Sebuah program pengembangan kemahiran dan keusahawanan untuk belia, wanita, siswazah penganggur dalam kumpulan B40 dan Orang Asli untuk meningkatkan pendapatan mereka melalui penempatan pekerjaan atau keusahawanan; dan program <i>Akademik</i> untuk pelajar yang berprestasi lemah untuk mengelakkan masa depan yang lebih cerah.</p>
	<p>Program untuk perusahaan mikro dan SME yang memberikan penambahan faedah pinjaman bank melalui kerjasama dengan Maybank dan Agrobank, serta bimbingan untuk merencanakan pertumbuhan perniagaan mereka.</p>
	<p>Program JomKerja@NCER dilaksanakan untuk menyokong industri dan perniagaan yang ingin melabur, mengembangkan perniagaan dan memerlukan sumber manusia di NCER. Syarikat yang mengambil bahagian diberi insentif kewangan dan akses kepada kumpulan pekerja berbakat yang terdiri daripada graduan baru, belia, kakitangan wanita dan pekerja yang diberhentikan untuk memenuhi keperluan operasi mereka. JomKerja@NCER memastikan terbentuk kumpulan tenaga kerja yang mahir dan sesuai dengan keperluan industri. Melalui program ini, syarikat didorong untuk mengambil tenaga kerja tempatan yang akan menerima latihan kemahiran berkualiti tinggi dan latihan kemahiran insaniah untuk meningkatkan kecekapan mereka.</p>

	<p>JomNiaga@NCER ditujukan untuk golongan belia, wanita, peniaga kecil, perusahaan mikro dan pekerja yang diberhentikan dalam kategori B40. Sebagai program modal insan yang inklusif, tumpuan akan diberikan kepada latihan modular yang akan dilakukan sehingga tiga (3) bulan untuk membolehkan para peserta menjana pendapatan segera. Kursus teknikal, mahir dan separa mahir akan disesuaikan untuk membantu peserta memperoleh pendapatan yang lebih tinggi dalam jangka masa yang singkat dan juga membolehkan perniagaan dimulakan dengan modal permulaan yang rendah.</p> <p>Para peserta juga akan dilengkapi dengan asas keusahawanan, latihan dan literasi digital, untuk meningkatkan kemahiran dan daya saing mereka dalam platform e-dagang. Program ini juga mendorong mereka yang sudah mempunyai latihan asas atau telah menjalani latihan peningkatan kemahiran diberi pekerjaan oleh perusahaan mikro. Pekerja yang diberhentikan juga memperoleh keuntungan dari program ini untuk memperoleh pendapatan dan akhirnya memulakan perniagaan mereka sendiri dengan modal permulaan yang rendah. Ini akan membantu menghidupkan semula kegiatan ekonomi yang akan meningkatkan taraf sosioekonomi rantau ini.</p>
	<p>Program untuk meningkatkan kebolehpasaran dan sediakan peluang pekerjaan untuk graduan yang menganggur dan pekerja yang diberhentikan melalui insentif modal insan kepada sektor swasta.</p>
	<p><i>Tiping point</i> untuk syarikat Bumiputera yang layak dalam bentuk geran 15% atau maksimum RM2 juta dari kos projek.</p>

MAKLUMAT TAMBAHAN PROJEK-PROJEK STRATEGIK NCER:

Chuping Valley Industrial Area (CVIA)

Taman perindustrian yang memfokuskan pembuatan industri halal, pembuatan hijau (green manufacturing) dan penjanaan tenaga boleh diperbaharui (renewable energy).

Pusat Inovasi Teknologi NCER (NTIC)

NTIC diharapkan dapat mendorong ekosistem industri melalui pengukuhan aktiviti bernilai tinggi.

Kedah Rubber City (KRC)

Taman perindustrian yang memusatkan perhatian pada industri getah. Ia merupakan sebahagian daripada Inisiatif *Rubber City Indonesia, Malaysia, Thailand* (IMT-GT).

Silver Valley Technology Park (SVTP)

SVTP akan berfungsi sebagai platform untuk mempermudah pembangunan teknologi terapan.

I-CON @ NCER

Ini adalah pendekatan baru untuk mengurangkan jurang perbezaan antara bandar dan luar bandar dengan membuka potensi kawasan kurang maju. Terdapat empat (4) daerah yang telah dikenal pasti sebagai projek perintis untuk I-CON @ NCER iaitu Yan, Sik, Baling, Kedah & PengkalanHulu di Perak.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.ncer.com.my>